

Basic BBMA

Diagram BBMA bermula dengan apa berakhir dengan apa?

= Bermula dengan extreme, pegi ke TP wajib dulu, baru mhv, turun buat cs arah, naik sikit ke ma5 untuk reentry, baru dia cari momentum, reentry momentum reentry momentum berulang2 sampai dah xd momentum baru kita close order kita.

Tips:

Bermula extreme, tp wajib dulu, baru mhv, cs arah, lepas cs arah dia naik sikit untuk buat reentry, kemudian baru momentum..Reentry momentum reentry momentum berulang2

Sampai dah takde momentum/ muncul extreme berlawanan yg baru, baru kita close semua order kita td.

Diagrama bbma kalau kita buka chart, sebenarnya 80% dikuasai reentry dan momentum

Selebihnya extreme, tp wajib (ma5/ma10), mhv cs arah

Sebab tu kaki2 swinger, lebih menumpukan entry di reentry saja.

Pertama, kene bezakan.

Signal : extreme (signal awal perubahan trend), cs arah (penunjuk arah price depan nak pergi mana), cs momentum (yg close luar bb)

Setup : MHV dan Reentry

Entry : nak entry di mana? Entry di setup iaitu di MHV dan Reentry (line ma5 - entry awal, line ma10 - entry pengukuhan)

Tips: TF H4 kebawah saja yang membuat full diagram BBMA, Daily kadang-kadang dan TF W1 and MN layan reentry je.

Setup Extreme

Ciri-ciri Extreme:

1. Dia break je bb tinggal shadow luar bb tapi cs close dalam bb : extreme.
2. Dia break je bb dan cs close luar bb: lagi extreme.
3. Dia break je bb tapi cs close luar bb bersama ma terkeluar : lagi lagi extreme.
4. Dia break je bb dan dua2 ma5/10 terkaluar sama : memang magic extreme.

Kuncinya simple, kalau break je dah nama extreme + ada ma keluar lagi bertambah kekuatan extreme tu.

Extreme line ma5 sentuh sikit2 pun dah kire extreme, cs break top bb tapi masih close bawah top bb dan ma5 bawah top bb pun consider extreme sebenarnya asalkan break bb

Syarat extreme mesti ada cs reverse (tp wajib ma5/10 low atau max di mid bb) dan ada cs retest semula di line ma5 high. Baru complete extreme. Tapi~

Dia retest tu dok retest apa tuan?

Ada 4 line dia retest (cucuk2), cuba namakan 4 line tu.

Okey kan lepas extreme ma5 keluar , next cs cs reverse(tp wajib ma5/10/max di mid bb), kemudian ada cs retest, dia kene retest tau sbb nak mematikan market buy, kene test2 sama ada boleh naik lagi ke x. Okey test tu ada 4 line kebiasaan dia test.

Line-line tersebut ada 4. Iaitu:

1. Line ma5 high
2. Line ma10 high
3. Line top bb

4. Line of fire.



Apa tujuan dia test tu? Sebab nak bg peluang kita entry bang, dia x semestinya test empat2 baru masuk. Test salah satu je memadai, tapi nasihat saya, bia ada 2 3 batang cs retest (cs bull) dulu baru kita masuk sell. Ni contoh extreme sell.

Biar ada 2 3 batang selang seli cs reverse n cs retest baru kita masuk entry

Dia cium line ma5 high kali ke 2 atau ke 3 bru masul entry sell.

TIPS: Okey, mula2 extreme sell ma5 keluar top BB, pastu cs reverse pertama (tp wajib kita kat ma5/10 low), dia naik semula cs retest (cari 4 line tu), pastu turun lagi tp wajib kedua, naik semula cs retest kedua (haaa kat sini baru cun masuk entry).



Penjelasan gambar diatas:

Nampak x no 1 dia tp wajib turun sat, naik balik pegi no 2 xs retest, no 3 tp wajib balik, no 4 retest lagi, haa cs retest ke 2 ni baru cun masuk.

MHV

Mhv pulak, selagi mana dia x close luar bb lepas test mana2 empat line tu, selagi tu mhv td valid.

Kalau dia dah close luar bb, kita dah termasuk entry kat mhv line test tadi, cutloss saja. Sbb mhv batal.

Ramai newbies ingat kalau mhv sell mesti kene ada atas mid bb je, kalau masuk lower mid kire batal.

Salah bang, mhv sell boleh je masuk bawah mid dan naik semula, selagi mana x close luar top bb, mhv sell tadi masih valid.

CS ARAH

Cs arah ada dua, iaitu:

1. Cs arah awal (Cs arah awal cross dan close ma5/10 sahaja)
2. Cs arah kukuh (Cs arah kukuh cross ma5/10 dan close di bawah mid bb sekali)

Mana2 cs arah pun, baik awal atau kukuh, lepas dia close n nak buat next cs, dia akan naik sikit untuk retracement

Retracement paling tinggi ke line ma5 semula untuk kita masuk entry sell.

Setiap batang cs dalam chart kita aslong dia cross je ma nama dia cs arah. Dan dia akan naik balik sikit sebelum sambung terjun.

Contoh amik sell

Mula2 dia terjun cross ma5/sahaja - cs arah awal. Lepas ni dia akan naik sikit paling tinggi ke ma5 high semula baru sambung terjun. Then terjun cross lagi ma5/10 sahaja, cs awal lagi. Sampai dia dah lepas mid bb baru start cs kukuh. Kat kawasan cs bear tu sepanjang2 tu boleh panggil cs kukuh sebenarnya, aslong lepas mid bb.

Kekuatan cs boleh ukur mcm ni untuk sell:

1. Atas mid bb asal cross je ma5 - arah belum kukuh.
2. Bawah mid bb asal cross je ma5 - arah kukuh.
3. Bawah mid bb asal cross je ma5 sekali lower bb buat momentum - lagi lah kukuh Cs momentum pun boleh jadi cs arah.

Yang dalam bulatan tu cs awal buy. Bila dia cross sekali mid/ma5/10 high baru kukuh nak naik atleast sampai top BB.



CS Momentum

Kalau pada sy cs momentum yg close luar bb : ni momentum power. Kalau dia close lepas ma5/10low saja belum berada di luar bb: saya panggil momentum juga, cume momentum awal / cs awal sell tadi.

Macam mana nak detect yg reentry tu dah xd momentum?

= Reentry tak berjaya break ma5/10 menunjukkan dah takde momentum.

Dan reentry sell td masih valid selagi mana belum ada 2 benda ni:

- 1) selagi x muncul cs arah buy
- 2) selagi extreme baru xmuncul iaitu extreme buy

Tapi kerap berlaku extreme buy tapi price tetap terjun, kenapa?

= Tengok juga, extreme buy tu dah ada 2 3 batang cs reverse/cs retest tak? Kalau xd, jangan close lagi, jenis ada 2 3 batang cs reverse cs retest baru kita

close, sbb dia nak buat mhv buy pula untuk kenaikan. Kalau sebatang je cs reverse cs retest kuat nak terjun lagi.

Peringatan:

Bb mendatar kalau keluar line ma, tp bb berlawanan, kalau momentum je ada, line ma x keluar tp mid bb. Dia melantun2 mcm tu je sideway. Dia bukan momentum.

Tips Reentry:

Reentry ada turutan dari tf kecil bawa keatas, sebagai contoh. Macam pair GJ minggu ni.

Dia terjun terjun terjun junam2, sampai masa dia penat, dia akan naik sikit ke ma5 high h1. Baru masuk sell lagi dan dia sambung terjun.

Terjun terjun terjun lagi sampai penat, dia cari reentry h4 pulak.

Dia ikut turutan, sampai lah tf MN. Jarang reentry ni dia lompat lompat, lepas settle reentry h1 sambung terjun terus cari reentry daily. H1 penat, reentry kat H4. H4 penat, reentry kat d1 pulak. Dari bawah naik keatas, ikut turutan.

Jarang, ada memang ada, tapi jarang.

Macam harini GJ cari reentry h4 dan daily pula untuk terus momentum sell di tf MN.

Dah penat tak mampu nak buat momentum dah, dia naik balik. Penat bermaksud tak mampu nak buat momentum dah. Lagipun cs dah terlalu jauh dengan EMA 50, semakin jauh semakin rindu. Dia kena naik semula cari reentry.



Gambar diatas menunjukkan reentry kat h4 disebabkan h1 telah penat dan tak mampu dah untuk membuat momentum.

Gambar dibawah ini menunjukkan yang tf h1 dah penat dah nak buat momentum so dia kena naik untuk buat reentry kat tf h4.



Teknik Scalping BBMA

Okey. Teknik scalping dalam BBMA ada 2 setakat saya buat, boleh kata 8 win dan 2 loss. Cuma kena tahu yang scalping risiko dia tinggi sikit dibanding dgn intraday dan swing. Scalp ni trade di m15 ke bawah saja, cukup 10 pips boleh close, atau asal biru close saja. Haha

Teknik scalp 1 :

M15 ada reentry yang sedang rancak momentum, laju2 ke m1 cari reentry juga. Kebiasaan masa pergi ke m1 ni akan ada cs berlawanan baru masuk entry.

Contoh m15 reentry sell yang dah ada momentum/sedang running momentum luar bb, laju2 pergi ke m1 cari reentry sell juga di m1, tapi kalau boleh bia masa di

m1 ni masih lagi cs buy(cs bull dan masih berada dalam bb) tapi masuk sell. Nanti cs bull ni akan jatuh buat momentum sell juga follow reentry sell m15.

Teknik 2 :

M15 extreme sell, keluar line ma5 saja pun dah cukup di luar BB m15, terus laju2 pergi ke m1, tunggu mhv dan masuk entry kat mhv di line ma5.

Teknik Intraday BBMA

Setup-setup intraday ada 3, iaitu:

1. REM (Reentry-Extreme-MHV)
2. RRE (Reentry-Reentry- Extreme)
3. REE (Reentry-Extreme-Extreme)

Tips Intraday:

Setup REM RRE dan REE ni ialah bila mana 3 setup serentak berlaku di 3 tf serangkai. Setup2 ni memang formula untuk kaki intraday BBMA. Apa maksud 3 TF serangkai. Maksudnya kita boleh apply di tf weekly ke bawah. Susun cantik2 mana2 setup antara 3 tu : REM RRE atau REE di TF weekly ke bawah.

Contohnya, kita ambil REM dulu.

Nampak Reentry Sell di H4, dalam masa sama Extreme Sell di H1 dan Mhv sell di m15, makesure berlaku serentak..Jadi boleh balun sell, entry di m15 line ma5 high.

Atau contoh lain R buy di weekly, E buy di Daily, E buy juga di h4, boleh juga masuk buy. Tapi nak entry sebaiknya masuk di tf kecil m15 kebawah di line ma5 low.

Oma Ally kata tips intraday mesti 3 benda ni searah baru best:

1) Refer trend di tf besar H4 keatas. Cara baca trend dari tf mn ke tf h4/h1. Dari tf besar ke tf kecil. Kalau boleh biar H4, D1, Weekly, Monthly semua trend yg sama. Atau cukup dari H4 sampai weekly sama pun dah lebih dr okey. Tapi yg pasti nak lagi cun H4 dan D1 mesti kene sama trend. Kalau tak sama agak berisiko dan cari pair lain.

Bila no 1 selesai. Pergi step no 2.

2) Cari mana2 setup antara setup REM / RRE / REE di tf sederhana h4, h1, m15. (Sebenarnya 3 setup tu boleh apply dari weekly ke bawah), tapi tf H4, H1 dan m15 lebih digalakkan untuk intraday.

Bila no 2 dan 1 dah searah, sebagai contoh trend h4 keatas semua downtrend, dan setup tf sederhana REM sell juga, kita boleh senang hati pergi ke tf m15 untuk masuk entry.

3) masuk entry di tf kecil m15 kebawah. Kalau boleh masa cs cium line ma5 high (untuk sell), dan ma5 low (untuk buy). InsyaAllah anda popit haritu.

Saya pernah cuba 3 tf serangkai bermula weekly daily h4, paling lama boleh tahan 2/3 hari saja popit sebelum retracement cs patah balik.

Saya ulang. Mula2 untuk intraday,

1) refer trend tf besar h4 keatas - dapatkan keputusan trend sekarang trend apa. Contoh downtrend

2) cuba dapatkan setup2 sell REM / REE / RRE di tf sederhana h4 h1 m15 sbb sekarang downtrend. Focus nak cari sell. So cari setup sell. Dalam masa sama..

Ni yang paling penting, cuba relatekan tugas setiap cs dari tf h1 bawa ke atas. Contoh h1 extreme buy, h4 extreme sell, daily reentry sell. So h1 akan naik dulu untuk siapkan proses extreme sell di h4, kemudian baru turun bersama2 di reentry sell daily. Boleh jd h1 double extreme buy, sbb h4 punya top bb tinggi sangat untuk capai, so h1 terbang tinggi dulu untuk siapkan extreme sell h4.

Kemudian baru turun sama2 di reentry sell daily. Ni contoh cara kita relatekan penggunaan tf.

Setup dah jumpe (bg 1 konfiden), relate pun kita dah relate memang dia nak jatuh,

3) kemudian baru kita entry di m15 kebawah, seeloknya masuk di tf m15 lah, tggu cs cium line ma5 high baru masuk sell.

Contoh Setup REM:





Contoh Setup REE:





Contoh REE Buy:

REE buy, E buy di h1 special, sbb dia bg kita double extreme buy.



Contoh REM, REE, RRE dalam satu masa:



Setup Special Edition:

REM REE , E di m15 special, dia bg triple top masa proses mhv.



Tips TP Intraday:

Tips nak TP intraday, tp di ma5 low(entry sell) daily, atau ma5 high (entry buy), atau cs dah cross pun line ma5 tu, tp di line BB berdekatan CS tu nak pergi, atau kebetulan ada EMA50 berdekatan kat daily, boleh TP terus kat ema50 tu. Sbb kebiasaan daily ke atas ema50 memang suke test sekali atau max 2x ne.

Tips Entry Intraday:

Kebiasaan saya masuk sekitar jam 830 9 dan close malam. Sbb 830 ni market jpy nzd aud baru open dan aktif. Tapi nak betul2 cun 230 ptg.

Addition Teknik Power Intraday:

Ada 1 lagi rahsia saya pernah buat boleh konsisten 2 minggu popit tanpa fail.

Teknik 1 :

Bro jumpe h1 reentry sell (bawah mid bb selepas csa kukuh)

H4 juga reentry yg sama reentry sell (bawah mid bb selepas csa kukuh)

H4 keatas sampai weekly downtrend, mn lain pun xpe.

Balun je sell. Entry di MA5 line m15

Ni win 28 position dari 30 kes2 mcm ni

Teknik 2:

H1 reenrtry sell atas mid bb

H4 reentry sell bawah mid bb

(Atau lain salah satu mana2 xkisah)

But still follow trend, 25 win 5 loss dari 30.

Teknik 3:

H1 reentry sell bawah mid

H4 reentry sell bawah mid

Tapi lawan trend

27 win 3 loss dari 30.

Teknik 4:

H1 reentry sell bawah mid

H4 reentry sell atas mid

(Atau mana2 tf xkisah tapi 1 tf lain)

Lawan trend

20 win dari 30.

Kadang2 takpayah reentry pun xpe, se simple tengok cs bull atau bear je

Dapat dua2 bull folow uptrend, balun buy.

Simple kan? tp di ma5 low daily (sell), ma5 high (buy), kalau dah cross ma tersebut cari tp di line bb berhampiran, kalau dekat dengan ema50, tp kat line ema50 daily

Semua ni boleh jd swing bila ternampak setup advance di h4 keatas, elok2 nk intraday terus jd swing

Ni cara ke 2 kalau nak lagi simple intraday.

Cari saja reentry yg sama h1 atau h4. Masuk entry kat m15 kat line ma5/10. Tips nak TP cari ma5 daily low (kalau masuk sell), atau ma5 daily high(kalau masuk buy). Atau kalau cs daily dah cross pun line ma tu, cari line bb yg paling dekat, sama ada mid, top bb atau lower bb, atau kalau ema50 ada kat situ dekat2, tp kat line ema50, sbb cs memang suke test ema50 sekali especially di tf daily ke atas.

Bila jumpe reentry sama h1 + h4, contoh reentry sell h1 dan reentry sell h4, cuba cek reentry tu boleh jadi mana2 setup antara REM REE atau RRE tak, kalau ada, lagi bagus, bg double confident pada kita, masuk entry tetap di m15 line ma5/10.

Penjelasan Teknik 3

Trend masih kuat buy daily ke atas

Nak baca trend kalau cs n ma semua main atas ema50 uptrend, kalau bawah downtrend.

Okey contoh reentry sell h4 dan h1 tu, biasa orang terus masuk entry bila CS BULL cium ma5 high, baru masuk sell betul?

Tapi kalau mcm saya, kadang2 benda tu boleh jadi fake, sekali dia terus naik dan naik kan, dan entry kita td jd float.

So saya tunggu dia bertukar jd cs bear dulu baru saya masuk sell.

Tips Sharpshooter:

Masuk entry serentak cs cium tf besar tf kecil.

Contoh REE sell stat daily. Masa Reentry sell daily, cs cium ma5 high daily + dalam masa sama cs cium ma5 high m15. Haa masuk time nj

Ni perfect entry, habis2 float 5 pips je terus pergi. Kadang2 masuk terus pergi.

Setup Advance BBMA

Kalau jumpe setup ni di daily hold 3 hari, kalau jumpe di weekly hold 3 minggu, kalau jumpe di h4, hold 12 jam. Bila jumpe setup2 mcm ni sekurang2nya 3 cs panjang akan jatuh atau terbang.

Nak main scalp pn boleh, kalau jumpe di m5 cukup 15min close.

Okey, sebenarnya setup2 advance ni hanyalah signal semata2. Signal mengatakan pergerakan besar akan pergi, sekurang2 3 cs panjang akan jatuh / terbang terbawa lukisan usd anda dik oi!

Setup tu saya panggil SETUP LUBANG. Dimana EMA50 cross top/lower bb buat lubang. Atau pun BB masuk EMA50, sama je maksudnya.

Kalau terjadi lubang di bawah, dia nak terbang, kalau terjadi lubang di atas, dia nak terjun.

Ni contoh ss setup lubang:



Nampak tak atas tu sekurang2 3 cs panjang akan jatuh.

EMA50 cross TOP BB buat lubang. Dan dia melintasi hampir2 dengan line MA5 masa keluar buat extreme sell

Setup lubang kebiasaan akan terjun atau terbang tanpa mhv dan tp wajib. Dia terus pergi je.

Setup swing advance ni, ada 2 tempat entry:

1) masa line keluar je top bb kita masuk iaitu masa extreme tu lah, kita masuk.

2) masa reentry selepas cs arah mid bb , kebiasaan saya tak tggu dia naik semula untuk reentry, dia touch / test mid bb pun sy dah layer?

Entry jenis 1 - extreme line ma5 keluar / touch top bb.

Entry jenis 2 - reentry di mid bb.

Jumpe lubang ni ada 2 tempat masuk, masa extreme line keluar bb, dengan reentry masa kat mid bb.

H1



Trade



Quotes



Chart



Trade



History



Settings

Penjelasan ss diatas:

Tapi, dia ada syarat valid dia sebelum kita nak hentak kat swing ni okey.

Dia kene lepas syarat ni dulu baru boleh masuk iaitu : perlu LEPAS SIGNAL PERUBAHAN TREND DULU.

Signal perubahan trend :

1: ema50 cross cs dulu

2: ema50 cross empat2 ma

3 :ema50 cross mid bb

Baru konfem perubahan trend akan berlaku

Cuba tengok kotak merah atas sekali tu

Mula2 ema50 cross cs, kedua dia cross empat2 ma, ketiga baru dia cross mid bb, maka sah perubahan trend dari uptrend beralih ke downtrend

Dalam kotak merah tu perubahan trend

Lepas perubahan trend, iaitu last sekali no 3 ema50 cross mid bb, kita dah ready dan standby untuk masuk entry yang pertama

Sebab lepas cross mid bb kebiasaan akan ada reentry yg pertama. Wajib punya ada

Kita boleh warmup dgan lot2 semut dulu

And then, lepas cross mid bb, dia akan cari top bb pula untuk buat setup lubang

Bila nampak dia cross top bb, so memang bertambah yakin.

Tunggu ma5 keluar TOP BB, kita masuk lagi (entry jenis 1). Lepas tu dia akan terjun dan terjun. Cross mid bb pulak, nak buat reentry sell, masuk lagi (entry jenis 2).

Paling2 tidak, minimum 3 candle panjang akan jatuh

Kalau di daily, tunggu 3 hari baru close, kene timeframe weekly, elok2 intraday boleh jadi swing 3 minggu.


Contoh SS Setup Lubang:



H1



Trade



Quotes



Chart



Trade



History



Settings

Gambar atas tu contoh lubang bawah dan entry jenis 2 (test/reentry buy mid bb)

Lepas je ada perubahan trend, lepas perubahan trend, kita entry / layer di dua tempat masa extreme di top, atau reentry / test mid

Dan kita boleh terus masuk dan masuk lagi bila ada lubang ke 2 dan seterusnya

Okey, sampai bila nak hold?

Sampai next perubahan trend keluar lagi. Iaitu ema50 cross empat2 cs balik, cross empat2 ma, cross mid bb, sah dia nak bertukar dari downtrend ke uptrend pulak

So boleh close semua position kita dan TP. Close semua TP

Nak tambah keyakinan lagi bila nampak lubang ni, masukkan rsi13 untuk ukur kekuatan trend, atas ema50 kuat buy, bacaan rsi13 kalau atas level 50 kuat buy, bacaan bawah 50 kuat sell

Dia kena cek 3 benda:

1) ada lubang atas (bb masuk ema50)

2) ma5 keluar bb/extreme sell

3) rsi bawah 50 (kuat sell)

Dan perubahan trend konfirm downtrend (cek awal2 lagi tadi), sah boleh masuk sell

Rsi 13, masukkan level 30 50 70

Kalau phone xd 50, masukkan rsi2000 untuk dapatkan level 50 tu.

Contoh Setup Lubang Entry 2:



Ni contoh setup lubang dan entry jenis 2 (di mid bb). Dia test / reentry kat mid kita masuk

Dan terus terjun.

Sampai lahhhh kat bawah tu. Perubahan trend dari downtrend nak ke uptrend pula. Ema50 dah stat cross candle semula, dah stat cross empat2 ka semula, dah stat cross mid bb semula, so kita boleh close semua position setup lubang sell kita tadi

Setup2 lubang ni boleh terjadi di tf kecil, nampak je boleh terus masuk asalkan signal perubahan trend tadi wujud masa mula2.

Tips nak swing begini:

Kalau macam sy, sy letak lot gajah 1 kat tf besar kalau ada setup lubang di sana, ibarat anchor, letak sauh satu. Tunggu sampai popit, keesokan harinya baru lah cari setup2 lubang ni di tf2 kecil buat layer. Kalau entry di tf kecil ni floating, atleast tf besar kita letak sauh tadi mampu kaver / tutup. Lama2 akan popit juga sbb tf kecil akan follow tf2 besar.

Tips Entry Setup Lubang:

Nak masuk setup lubang tu kene ada 3 syarat, ada BB masuk ema50, then ada extreme/reentry kat mid bb then rsi support, lubang bawah rsi13 kene atas 50 baru masuk, lubang atas rsi bawah 50 baru masuk.

Susunan entry tunggu ema50 cross mid bb dulu, wajib ada reentry yg pertama, ni kita boleh warmup masuk lot2 semut pun xpe, pastu dia akan cross top bb pula buat lubang, tunggu extreme line ma5 keluar entry jenis 1 (entry kedua kita), then kat mid bb entry jenis 2 (entry ketiga kita), selagi xd perubahan trend baru, selagi tu hold.

Lubang bawah, maksudnya dia nak terbang, asalkan signal perubahan trend td dah valid. Sebelum nak masuk cek dulu rsi. Makesure atas 50 baru masuk buy. Kalau lubang saja ada, tapi rsi x support, xyah masuk. Setup lubang saja, kat tf2 kecil pun sama boleh apply. Atleast 3 cs panjang pergi boleh close dan jadi scalp.

Tips2 lain BBMA, Do's and Dont's:

- making body tertinggi momentum BUY yg close luar BB, ada reverse CS dan test BB. Entry pada ma5 high merah dan TP wajib pada ma5 low pink. Sebelum entry pastikan CS test MA5 merah dulu. Jika CS potong MA5 merah itu, tak valid untuk sell.
- pecahkan akaun jika nak trading, tidak berlaku sebarang emosi, sekurang2nya ada 5 akaun min depo 100usd ke 200usd sudah memadai. Bermula 1 akaun, beranakkan dan wd masuk ke akaun lain pula.
- ada juga trader guna bb sahaja, sbb bb penting kawal kawal pergerakan price. Sifat bb membuka/mengembang, mendatar.
- mesti kena tahu dimana entry point dan di mana nak close. Entry bila confirm setup sahaja.
- analisa kita wajib back to MAJOR trend.
- BBMA best sell, tunggu EXTREME SELL,dan buat MHV serta cs test MA5 high merah.
- tunjuk SS sebagai motivasi. Jiwai satu teknik sahaja, jiwai dan cintai.
- Daily, H4, dan H1 jika semua CS dan MA bermain di bawah EMA50 (biru laut tebal), fokus DOWNTREND. Jika di atas, sebaliknya cermin. Entry pada M15 bila CS test MA5. Reentry yang kukuh bila berjumpa MA pada MID BB sekali bersama MA50.

- Jika berlaku DOWNTREND, dapatkan reentry2 sell sahaja dan bila CS tidak berjaya break MA5 low lagi segera take profit!!
- waktu entry bukan pada setiap masa, entry pada tempat atau confirm setup sahaja. Jika ragu atau tidak yakin mohon jangan entry position BUY/SELL takut2 nanti kelaut atau floating melebihi 20pips. Sabar sabar baru SEBAT!
- Jika MA5 dan MA10 keluar daripada BB itu dinamakan MAGIC extreme.
- Jika CS cucuk2 pada bb : bermaksud dia dah tiada upaya nak teruskan perjalanan (MHV). MA5 keluar atau sentuh BB bermaksud EXTREME (perubahan price dari kenaikan kpd kejatuhan). Rajinkan diri buat backtest.
- Banyak CS cucuk pada TOP BB mendarat : EXTREME SELL.
- Jika MA5 keluar daripada BB dinamakan : Extreme, extreme mesti ada reverse CS dan retest CS, jika ma5 dan ma10 keluar sekali nama magic extreme, bila banyak magic extreme pada H1, jangan bagi muka, biasanya magic extreme dia akan cari BB berlawanan.
- entry BBMA pada confirm setup sahaja, CS arah berfungsi membawa arah kemana price depan nak pergi.
- Bila CS test pada MA50 tak lepas dia kena reverse semula, bila dia mula break biasanya dia akan terus pergi tanpa berita.
- CS tak boleh terlalu jauh dengan EMA50, bila dah terlalu jauh jadi abnkrmal, dia kena cari semula EMA50, ibarat semakin jauh semakin rindu.
- pada H1, jika CS tidak berjaya break MA50 (cocok2 MA50), 95% CS akan reverse semula. MA50 ibarat dia tambah tekanan pada price untuk pergi lagi.
- kenapa MA5 kuat dalam BBMA? High akan cari low, low akan cari high, jika CS berjaya break MA5 high atau low bermaknan price nak terus pergi.
- kekuatan dalam BBMA ialah reentry yg berterusan.

- Berhati2 dengan MA50, kuasa dia kuat, jika CS tidak berjaya break MA50 (test untuk melepasi), dia akan pull back semula.
- Semasa extreme sell, pastikan ada reverse cs, retest cs dulu (masuk dalam BB atau tidak berjaya keluar lagi iaitu cucuk BB sahaja), pastikan MA5 duduk atas CS baru entry sell. Jika buy, cerminkan saja.
- pastikan risk hanya 10-20 sahaja sebulan. Dalam dunia trading cutloss confirm ada.
- Reentry : Kekuatan dalam BBMA adalah reentry yang berterusan (pembukaan position baru). Pastikan selepas reentry berlaku momentum. Entry pada MA5 high merah. Jika buy cerminkan je.

Ciri2 reentry:

- reentry ialah entry yg dilakukan selepas berlaku extreme, mhv, candle arah
- MA5 (entry awal), ma10 (entry pengukuhan) adalah tempat yg digunakan untuk reentry.
- Reentry juga akan berlaku apabila cs momentum wujud.
- untuk validkan arah sell, reentry tak boleh close atas ma5/10, dia kene berada di bawah.
- akan berlaku sideways sebelum reentry, ini juga bermaksud setiap sideways akan berlaku reentry.
- Reentry kukuh : contoh reentry sell kukuh pastikan MA5 high merah berada di atas CS. Dan test pada mid BB (tak lepas buat cs arah buy). Iaitu pertemuan diantara ma5/10 di mid BB bersama ma50. Ketiga2 MA ni tadi berada di atas CS. Jika reentry buy cerminkan saja.
- BB mendatar jika CS cuba test (cucuk2) pada top BB signal awal dia nak turun, jika di bawah nak buat kenaikan. Pastikan BB mendatar, TP pada low bb okey.

- EMA50: Setting paling tebal. Dia untuk trend, big trend weekly. Jika CS dan semua MA bermain di bawah, ianya downtrend, jika di atas uptrend. Pada h1/h4 pula, untuk intraday, jika semua cs dan ma bermain atas sama, uptrend, focus buy pada hari tersebut.

- Jika ma50 berjalan sekali dengan ma5 high / sentuh sekali ma5 high, bermaksud reentry tu sangat2 kukuh. Jika reentry buy cerminkan saja.

- MA5 high warna merah setup kepada sell, ma5 low warna pink setup kepada buy. Pada TF h1, jika ma5 high keluar dari TOP BB ianya adalah extreme sell, pastikan bb mendatar. Terus masuk tf15 dan cari yg masuk bb selepas momentum buy iaitu MHV. Entry sell pada ma5 high bertemu shadow dan TP pada mid bb pada tf h1.

- dalam dunia trading, penjagaan money managemet (MM) paling penting! Jangan berlagak hebat nak letak full margun selalu, market kita hanya boleh analisis sahaja. Kenapa terlalu mengejar usd kalau entry masih berlaku floating melebihi 20pips!

- dalam masa momentum buy akan jadi extreme sell iaitu signal mengatakan perubahan akan berlaku. Tunggu sehingga cs close dan duduk dalam BB. Ambil line making body buyer tertinggi yang close di luar BB. Bila cs sudah duduk dalam BB ini nama dia MHV. Entry sell pada CS test MA5 high merah. Sebaiknya CS test ma5 untuk entry yg ke2 atau ke3 lebih safety.

- setup BBMA : pastikan TF15 berlaku MHV, H1 berlaku extreme dan H4 berlaku reentry. Atau nak guna 1 tf sahaja pun boleh, contoh H1 berlaku MHV selepas extreme dan entry.

- untuk apa kita masukkan bollinger band?. BB seperti getah, cs wajib berada di dalam BB. Atau diibaratkan seperti pagar, jika cs keluar drpd BB itu dinamakan momentum. Pastikan cs tak lepas lagi diluar, dia hanya cucuk2 sahaja pada BB. Entry di MA5 pd TF15. Semoga bermanfaat.

- forex is probability game, sampai satu level dia kene tendang naik / turun, sabar sabar sabar dengan penantian setup.
- ingat ya, entry point pada confirm setup sahaja, xd setup ttup laptop saja.
- nak trading otak kena tenang tak boleh serabut atau fikir kejar duit nak bayar itu ini, nanti analisis konfem kelaut. Masuk entry pun guna emosi bukan lagi ilmu diberi.
- reentry sell still valid selagi cs arah buy tak keluar.
- team BBMA tak fokus kejar usd, tapi kami fokus pips, minimum target 5000pips.
- bila ada penurunan, akan ada kenaikan, sampai 1 level market akan penat berjalan dia kena reverse macam mana pun. Suka tak suka dia kene reverse sbb order2 big player dah collect.
- setiao kenaikan ada penurunan, sampai 1 level bacaan market lemah. Kenapa ramai orang entry di tengah2? Kenapa tidak sabar tunggu hingga market lemah dan buat pusingan uturn baru masuk. Baru dapat pucuk/akar. Trade forex bukan suka2 boleh buka entry. Tanya lah otai2 berapa kali saja mereka masuk entry dalam masa seminggu / sebulan. Masuk entry bersama big player ;)
- entry point yang penting, entry biar float maximum 10-15 pips sahaja. Kalau lebih sila kaji lagi apa wayang dibelakang graf anda
- the power of money magnet, u attract what u think.
- sayangi duit anda, belajar sungguh2 dan masuk pada confirm setup sahaja.
- follow up sampai boleh buat 100% sehari, jangan terpedaya dengan politik forex. Percaya pada analisis dan teknik anda, pegang satu teknik, fokus dan buat sampai jadi.
- the power of mindset. Anda fikir anda kaya dan berjaya, insyaallah pasti kejayaan milik anda.
- News kebiasaannya melengkapkan setup BBMA iaitu momentum.

Tips Trade News High Impact:

Tips trade NFP?

= Tips nak trade news2 besar, contohnya mcm NFP baru ni:

Kebiasaan news besar2 kebiasaan setup boleh lihat di tf H1. H1 ke bawah. Dan tp di line ma/bb berdekatan H4

Kebiasaan contoh macam NFP semalam, h1 berlaku double triple extreme sell tanpa dimatikan extreme buy.

Tips mudah kalau cs h1 jauh dari top/lower bb dia akan buat momentum habiskan kehendak news tu, kalau h1 double triple extreme dan dah ada momentum (walaupun kdg2 volume momentum xpanjang luar bb), dia akan terjun atau terbang masuk bb cari line ma/bb berdekatan di H4. Ini yg sy perasan 3 4 bulan NFP. Hanya teknikal semata2.

Macam NFP semalam double triple extreme di h1, dia terjun max cari mid bb di H4 untuk kita max TP. Syukur sy dpt entry di pucuk dan TP di akar. Apa2pun news berkait rapat dgn funda. Kaji ilmu funda lebih, teknikal sy sharing juga bukan 100% win. Hanya ikhtiar buat terbaik untuk geng2 newbies.

